

Ketidaksepadanan Makna dalam Terjemahan Lirik Lagu Jampi

Inaccuracy of the Meanings in the Lyrics of the Jampi Song

SITI NURATIKAH MOHD ZAIN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ketidaksepadanan makna dalam terjemahan lirik lagu Jampi. Pendekatan terjemahan langsung digunakan untuk menjelaskan maksud lirik dengan lebih terperinci. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bertulis. Data diperolehi daripada 13 kumpulan responden yang dipilih secara rawak dalam Kursus Linguistik dalam Interpretasi dan Terjemahan (BBN3202) semester dua sesi 2017/2018 di Universiti Putra Malaysia (UPM). Dapatan kajian pertama menunjukkan bahawa responden tidak mampu menterjemah dengan baik kerana responden bukan penutur asli bahasa sasaran (bahasa Inggeris) yang diakibatkan oleh kurangnya penguasaan terhadap bahasa sasaran. Selain itu gangguan dan percampuran daripada bahasa ibunda turut memainkan peranan terhadap ketidaksepadanan maksud lagu yang diterjemah. Akhir sekali, kajian menunjukkan bahawa responden melakukan terjemahan tanpa merujuk kepada kamus yang tepat. Kajian menyimpulkan bahawa pemilihan kata yang bersesuaian dan berpadanan sangat penting dalam menghasilkan sesuatu terjemahan yang berkualiti.

Kata kunci: Ketidaksepadanan; makna; terjemahan; lirik; lagu

ABSTRACT

This study aims to identify and analyse the mismatch of meaning in the translation of Jampi song lyrics. The direct translation approach is used to explain the meaning of the lyrics in more detail. This study uses the method of literature and written interviews. Data were obtained from 13 groups of respondents randomly selected in the Linguistics Course in Interpretation and Translation (BBN3202) semester two sessions 2017/2018 at Universiti Putra Malaysia (UPM). The findings of the first study show that the respondents are not able to translate the lyric well because the respondents are non-native speakers. Apart from that, interference and mixing from the mother tongue also plays a role in the mismatch of the meaning of the translated song. Finally, studies show that respondents perform translations without referring to the exact dictionary. Studies have concluded that the selection of appropriate and relevant words is very important in producing a quality translation.

Keywords: Inaccuracy; meaning; translation; lyrics; songs

PENGENALAN

Lagu Jampi dikeluarkan pada tahun 2017, yang dinyanyikan oleh Hael Husaini. Lagu ini ditulis oleh Hael Husaini sendiri dan rakan sepejuangannya, Ezra Kong. Bergener pop berdurasi lebih kurang tiga minit tiga puluh saat telah memukau pendengar dengan dendangannya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hasil terjemahan daripada segi kata dan makna yang akan diterjemahkan oleh pelajar terjemahan Kursus Linguistik dalam Interpretasi dan Terjemahan (BBN3202) semester dua sesi 2017/2018 di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Secara umumnya, Van Slype (1983) mendefinisikan terjemahan sebagai proses pemindahan mesej yang dilahirkan dalam bahasa sasaran yang mengambil kira tentang persamaan daripada segi kandungan mesej, ekspresif, konotatif, metalinguistik, fatik dan puitis. Manakala Danny Susanto (2012) menjelaskan bahawa terjemahan merupakan salah satu medium yang memberikan pemahaman antara dua bangsa yang berbeza budaya dan bahasa, di samping meningkatkan mutu pada karya sastera dalam negara dan karya sastera asing. Dalam kajian ini, dijangkakan bahawa terjemahan yang dilakukan dapat mempengaruhi pembelajaran

bahasa kedua dalam kalangan pelajar Kursus Linguistik dalam Interpretasi dan Terjemahan (BBN3202) semester dua sesi 2017/2018 di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Walau bagaimanapun, penyelidik juga mengambil kira terhadap makna yang akan disampaikan melalui hasil terjemahan yang dilakukan oleh pelajar. Harimurti Krisdalaksana (1993) mendefinisikan makna sebagai "... maksud pembicara, pengaruh satuan bahasa dalam pemahaman persepsi atau perilaku manusia atau kelompok manusia, hubungan dalam erti kesepadanan atau ketidaksepadanan antara bahasa dan alam di luar bahasa atau antara ujaran dan semua hal yang ditunjukkan, atau cara menggunakan lambang-lambang bahasa."

Selain itu, terdapat istilah yang merujuk kepada perkataan makna iaitu semantik. Semantik adalah cabang linguistik berkaitan makna yang terkandung dalam bahasa (Aris Kurniawan 2018). Semantik merupakan kajian bahasa atau kajian linguistik yang mempelajari makna atau erti dalam bahasa (Chaer 2009). Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), mendefinisikan semantik sebagai kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti ketidaksepadanan kata yang digunakan dalam terjemahan lirik lagu Jampi
2. Menganalisis ketidaksepadanan makna yang digunakan dalam terjemahan lirik lagu Jampi.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis ketidaksepadanan makna dalam terjemahan lirik lagu Jampi. Penyelidikan ini memfokuskan kepada pelajar Kursus Linguistik dalam Interpretasi dan Terjemahan (BBN3202) semester dua sesi 2017/2018, Universiti Putra Malaysia (UPM). Sebanyak 13 kumpulan dipilih secara rawak berdasarkan hasil terjemahan yang dilakukan di ruangan *Padlet.com*.

Berikut merupakan pautan yang digunakan untuk melengkapkan tugas tersebut, <https://padlet.com/nashali Amir/zd07z9147ngv>.

SOROTAN LITERATUR

KAJIAN TENTANG TERJEMAHAN

Satu daripada aspek penting dalam bahasa adalah terjemahan. Penghasilan karya terjemahan yang berkualiti dapat dilihat melalui kaedah, proses, gaya, dan penguasaan terhadap sesuatu bidang yang digunakan. Oleh itu, pelbagai kajian telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu berkaitan dengan terjemahan antaranya kajian Muhammad Nur Akmal Rosli (2018) yang bertajuk "Perbezaan budaya dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee" yang bertujuan untuk membincangkan perbezaan budaya yang terdapat dalam terjemahan lagu-lagu P. Ramlee dan mengenal pasti kesalahan terjemahan yang terdapat dalam lagu-lagu P. Ramlee. Data dikumpul melalui kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat banyak kesalahan dalam terjemahan lirik lagu-lagu P. Ramlee daripada segi hubungan sosial, ekologi, peribahasa dan kiasan, warna, ungkapan lisan, kepercayaan masyarakat, dan kebendaan.

Selain itu, Anita Wulandari (2018) dalam kajiannya yang bertajuk "Kesalahan Padanan Kata dalam Teks Terjemahan Minikrimi 'Dinner ohne Britta!'" oleh Mahasiswa Jurusan Sastera Jerman" bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kesalahan padanan kata dalam terjemahan Minikrimi 'Dinner ohne Britta!'. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif dan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga bentuk kesalahan padanan kata iaitu kata kepada kata, kata kepada frasa, dan kata kepada klausa. Berdasarkan kajian yang dijalankan, beliau mendapati bahawa mahasiswa kurang menguasai kosa kata, kurang pemahaman konteks bahasa sumber dan masa yang diperuntukkan untuk menterjemah adalah singkat.

Sehubungan itu, Muhammad Firdaus Abdul Manad, Md Noor Hussin dan Maheram Ahmad (2018) dalam kajian mereka yang bertajuk "Penterjemahan Arab Melayu bagi Kata Kerja Berimbuhan *Istaf'Ala* dalam Surah Al-Baqarah" bertujuan untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki oleh kata imbuhan awalan iaitu *alif*, *sin* dan *ta'* pada hadapan kata. Kajian ini dijalankan kerana mereka mendapati bahawa ramai dalam kalangan penterjemah mengalami kesukaran untuk mencari padanan terjemahan kata kerja berimbuhan yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan penterjemah berjaya melakukan

dengan baik dan mudah difahami berdasarkan data yang diperoleh. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengubahsuaian dilakukan untuk menjadikan terjemahan lebih kelihatan asli dan sesuai mengikut konteks ayat.

Tambahan pula, Wirman Hardi Gunawan (2017) dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis bentuk, makna, dan fungsi teks terjemahan Syair Selakaran dalam Tradisi Ngurisang pada Acara Lebaran Topat di Makam Keramat Batulayar” bertujuan untuk mendeskripsi data seperti yang terkandung dalam tajuk. Hasil kajian menunjukkan bahawa teks terjemahan syair mempunyai 41 rangkap dan setiap rangkap terdiri daripada empat (4) baris yang mempunyai aspek pendengaran, penglihatan, dan perasaan. Teks terjemahan tersebut menggunakan kata-kata yang berunsurkan kata sinonim dan homonim.

Kajian yang dijalankan oleh Darmanto (2016) yang bertajuk “*The study of non-equivalent meaning in the translation of the movie Frozen*” bertujuan untuk mengklasifikasikan kata-kata yang tidak sepadan, mencari faktor-faktor penyebab dan strategi penterjemahan yang berhubungan dengan makna yang tidak sepadan pada tataran kata. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima (5) strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah iaitu penggunaan kata yang lebih umum, makna yang kurang ekspresif, peminjaman, penghilangan, dan penjelasan dengan kata-kata yang masih kurang berhubungan.

Kajian Ika Suzainna Let@Hamlet (2016) yang bertajuk “Unsur budaya dalam terjemahan lagu bahasa Inggeris ke bahasa Melayu” bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan dan kaedah yang digunakan oleh responden untuk menterjemah unsur budaya serta membincangkan punca berlakunya kesilapan terjemahan yang dilakukan. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan data tidak diterjemahkan dengan tepat dan kaedah yang kerap digunakan oleh responden adalah kaedah penggantian atau harfiah. Antara penyebab kepada pemerolehan data ini adalah kerana responden bukan penutur jati bahasa Inggeris, kurangnya pengetahuan tentang budaya sasaran dan bahasa sumber, responden bersikap sambil lewa dan kurang ilmu pengetahuan tentang teori dan asas terjemahan.

KAJIAN TENTANG MAKNA LAGU

Sela Khurrosidah dan Turnomo Rahardjo (2018) mengatakan bahawa kaedah *preferred reading* lirik

lagu wajar digunakan untuk mendapatkan makna dominan dalam lirik lagu dapat diketahui. Namun, kajian yang dilakukan oleh Faidah dan Andi Reski Amelia (2018) menjelaskan bahawa terdapat tujuh jenis makna yang dikenal pasti dalam kajiannya iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna sosial, makna afektif, makna reflektif, makna kolektif dan makna tematik. Berdasarkan kajian tersebut, metafora yang terdapat dalam lirik lagu tersebut memiliki peranan yang penting dalam menciptakan perasaan dalam menyampaikan pesanan. Kenyataan yang disebut oleh pengkaji di atas sama dengan penyelidik Muhammad Syarif (2018) iaitu analisis gaya bahasa perbandingan seperti gaya bahasa metafora lebih banyak digunakan dalam lirik lagu.

Selain itu, Masitah Mad Daud dan Zulkifley Hamid (2017) juga mempunyai pendapat yang hampir sama dengan pengkaji di atas iaitu terdapat enam jenis penggunaan makna dalam bait-bait lagu seperti makna konotatif, stilistik, afektif, reflektif, kolokatif, dan tematik. Makna-makna ini bukan sahaja untuk menghiburkan tetapi juga bertujuan untuk mewujudkan suasana ketenangan dan mendidik pendengar dengan pelbagai nilai murni. M. Imron (2018) menyatakan bahawa aspek semiotik dapat memberi makna yang mendalam kerana mampu memperoleh hikmah serta pelajaran daripada lirik lagu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpul dengan menggunakan instrumen *Padlet.com* yang berpautan di <https://padlet.com/nashali Amir/zd07z9147ngv>. Data dikumpul untuk mengenal pasti ketidaksepadanan kata dan menganalisis ketidaksepadanan makna yang digunakan dalam terjemahan lirik lagu Jampi.

Kajian dijalankan di Bilik Al-Hadi iaitu terletak di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melengkapkan penyelidikan ini. Sebanyak 26 kumpulan berjaya dibentuk namun, hanya 13 kumpulan dipilih secara rawak dalam Kursus Linguistik dalam Interpretasi dan Terjemahan (BBN3202) semester dua sesi 2017/2018. Responden terdiri daripada pelajar yang mempunyai latar belakang bangsa yang berbeza seperti Melayu, Cina dan India.

Responden dikehendaki untuk menterjemah daripada bahasa sumber (bahasa Melayu) kepada bahasa sasaran (bahasa Inggeris). Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik berharap

ia dapat melihat sejauh mana pelajar mampu menghasilkan terjemahan lirik lagu Jampi dengan menggunakan kata yang berpadanan mengikut konsep dan makna dalam lirik lagu tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian berikut mengenai ketidaksepadanan kata yang digunakan oleh responden dalam menterjemah lirik lagu Jampi. Sebelum membuat pengenalpastian ketidaksepadanan kata tersebut, pengkaji telah merujuk kepada penterjemah yang telah mendahului menterjemah lirik lagu Jampi. Kemudiannya, pengkaji melihat sama ada kata yang digunakan oleh responden bersesuaian atau tidak atau sama ada kata yang dipilih oleh responden hampir sama dengan penterjemah umum atau sama sekali berbeza mengikut gaya terjemahan responden.

Menterjemah sesuatu karya daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran bukan mudah. Penguasaan ilmu pengetahuan tentang bahasa sasaran amat penting dititikberatkan untuk memastikan kelancaran konteks kata, makna, dan ayat yang digunakan memenuhi konsep dan budaya pembaca sasaran di samping memberikan pemahaman yang

jitu apabila membaca sesuatu karya. Hal ini kerana, umum mengetahui bahawa penggunaan kata dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mempunyai kata yang berbeza untuk merujuk kepada makna yang sama. Kata tersebut dikenali sebagai kata sinonim. Kenyataan ini disokong oleh Wirman Hardi Gunawan (2017) dalam kajiannya yang menjelaskan bahawa teks terjemahan menggunakan kata-kata yang boleh berunsurkan kata sinonim dan homonim. Umum mengetahui bahawa sinonim didefinisikan sebagai kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain.

Tambahan pula, penggunaan bahasa Inggeris banyak mempengaruhi ungkapan seperti pepatah, simpulan bahasa atau kata kerja. Kenyataan ini disokong oleh Ida Vera Sophya (2013) dalam kajiannya yang mengatakan berbagai istilah serta ungkapan moden dan pepatah umum digunakan dalam lagu pada ketika ini. Pembentukan ungkapan ini sedikit sebanyak menyukarkan penterjemah untuk menterjemah sesuatu teks sekiranya tanpa menguasai konsep atau makna sebenar. Berikut merupakan lirik lagu Jampi yang digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 1. Menunjukkan lirik lagu Jampi dan beberapa hasil terjemahan oleh responden

Bil. lirik	Lirik lagu Jampi	Hasil terjemahan responden
Lirik 1	Bermula pandang pertama	- <i>The first time we met</i> - <i>It starts with first sight</i> - <i>Starting from the first sight</i>
Lirik 2	Terlihat kamu di depan mata	- <i>See you in my eyes</i> - <i>See you in front of my eyes</i> - <i>It was love at the first sight</i>
Lirik 3	Terasa debar di dada	- <i>My heart trembled</i> - <i>Feel thumping in the heart</i> - <i>My heart throbbed</i> - <i>My heart was beating fast</i> - <i>I feel anxious in my chest</i> - <i>Feeling pounding in my heart</i>
Lirik 4	Menahan rasa bila kau ada	- <i>To bear the feeling when you are there</i> - <i>Constraining the feelings of mine when you are here</i> - <i>Holding myself when you are here</i> - <i>Try to keep what I feel inside</i> - <i>Endure the feel when you are there</i> - <i>I restrain myself when you are here</i> - <i>I held my feelings</i>
Lirik 5	Kau buat ku terpaku	- <i>You make me glued</i> - <i>You make me astounded</i> - <i>You make me stunned</i> - <i>You captivated me</i> - <i>You bedazzled me</i>

bersambung ...

sambungan ...

Lirik 6	Sepertinya diri ku yang mahu diri kamu	- <i>As if i've been longing for you</i> - <i>Like it was me who wants you</i> - <i>You made me feel like as if i am the one who wants you</i> - <i>As if you are the only one i need</i>
Lirik 7	Dan bila kau hadir bagai satu misteri	- <i>When you appeared like a mystery</i> - <i>And when you exist like a mystery</i> - <i>And when you come like a mystery</i>
Lirik 8	Ternyata diriku bagai sudah di jampi	- <i>You put a spell on me</i> - <i>And i was like already spelled by you</i> - <i>That i bewitched by you</i>
Lirik 9	Dan bila kau hambakan hatiku kembali	- <i>And when you enslaved my heart</i> - <i>You caged my heart again</i> - <i>And again when you conquered my heart</i> - <i>And when you take my heart back</i> - <i>And again when you stole my heart</i> - <i>And when you want my heart again</i>
Lirik 10	Ternyata hanya kau harus aku cintai	- <i>It turned i had to love you</i> - <i>I know that you are the one i should love</i> - <i>You are the only one i love</i>
Lirik 11	Hahaha aku ketawa	- <i>Hahaha i laugh</i>
Lirik 12	Terasa aku tak tentu arah	- <i>You made me crazy, i was paralyzed</i> - <i>It seems like i'm going crazy, you make me astounded</i> - <i>It seems like i'm going crazy, you make me stunned</i> - <i>I felt unease</i> - <i>It felt like i was lost</i> - <i>I am head over heels for you</i> - <i>I am out of my mind</i> - <i>I feel like i am not in the direction</i>
Lirik 13	Malam berganti malam	- <i>Night by night</i> - <i>Night passes</i> - <i>Night after night</i> - <i>Night shift</i>
Lirik 14	Masih terbayang apa yang berlaku pada diriku	- <i>I could still remember what happened</i> - <i>The memories of what happening is still in my mind</i> - <i>Still in mind what has fallen upon me</i>
Lirik 15	Ternyata kamu ternyata kau mahu diriku	- <i>It turned out, it's you, it's you who wanted me</i> - <i>It turns out that i had to love you</i> - <i>Indeed it's you, indeed you wants me</i>

(Hael Husaini)

Pengkaji hanya memilih beberapa hasil terjemahan daripada lirik yang diterjemahkan oleh responden secara rawak untuk dianalisis. Hasil terjemahan menggunakan keseluruhan kumpulan yang dipilih iaitu sebanyak 13 kumpulan. Oleh yang demikian, hasil yang diperoleh daripada terjemahan tersebut berbeza kerana rata-rata responden menggunakan kata yang sama dalam terjemahan tersebut. Data dianalisis seperti berikut:

Berdasarkan lirik lagu ketiga iaitu “terasa *debar* di dada”, pengkaji mendapati bahawa pelbagai perkataan “debar” paling banyak disenaraikan oleh responden. Berikut merupakan perkataan yang digunakan untuk menterjemah perkataan “debar”:

<i>Trembled</i>	<i>Thumping</i>
<i>Throbbled</i>	<i>Beating</i>
<i>Anxious</i>	<i>Pounding</i>

Setelah dianalisis, kata-kata ini diperoleh berdasarkan tanggapan responden mengikut lirik tersebut. Responden menyenaraikan dengan mengikut situasi lirik lagu seperti situasi yang telah berlaku (*past tense*) dan situasi yang sedang berlaku (*present tense*). Perkataan *trembled* dan *throbbled* merupakan kata yang merujuk kepada situasi yang telah berlaku (*past tense*). Manakala kata-kata yang lain selain *trembled* dan *throbbled* merupakan situasi

yang sedang berlaku (*present tense*). Tambahan pula, pengkaji berpendapat bahawa responden mengalami kesukaran untuk menterjemah sesuatu kata kerja. Pendapat pengkaji hampir sama dengan pendapat Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Md Noor Hussin dan Maheram Ahmad (2018), iaitu ramai dalam kalangan penterjemah mengalami kesukaran untuk mencari padanan terjemahan dalam kata kerja.

Sehubungan itu, lirik lagu kelima iaitu “menahan rasa bila kau ada” juga di terjemah. Perkataan yang berbeza di terjemah adalah “menahan” seperti:

<i>Bear</i>	<i>Constraining</i>
<i>Holding</i>	<i>Try to keep</i>
<i>Endure</i>	<i>Restrain</i>
<i>Held</i>	

Pengkaji juga mendapati bahawa kosa kata Inggeris lebih banyak disenaraikan berbanding kosa kata bahasa Melayu untuk menerangkan tentang sesuatu perkataan. Perkataan ini merupakan kata sinonim. Pengkaji mendapati pendapat yang dikemukakan hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh Wirman Hardi Gunaman (2017) iaitu teks terjemahan menggunakan kata-kata yang berunsurkan sinonim dan homonim.

Seterusnya, responden memilih perkataan “hamba” dalam lirik lagu kesembilan iaitu “dan bila kau hambakan hatiku kembali”. Berikut merupakan perkataan yang diterjemahkan oleh responden bagi perkataan “hamba”:

<i>Enslaved</i>	<i>Caged</i>
<i>Conquered</i>	<i>Take</i>
<i>Stole</i>	<i>Want</i>

Perkataan *enslaved*, *caged*, *conquered* dan *stole* merupakan perkataan yang merujuk kepada situasi yang sedang berlaku (*past tense*). Hal ini demikian kerana kata tersebut mempunyai tambahan imbuhan *-ed* di akhir kata kerja. Berdasarkan terjemahan berikut, kata *stole* merupakan kata nama, namun hasil terjemahan yang dilakukan oleh responden, ia merujuk kepada kata kerja. Pengkaji mendapati bahawa pendapat yang dikemukakan hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Md Noor Hussin dan Maheram Ahmad (2018) iaitu ramai dalam kalangan penterjemah mengalami kesukaran untuk mencari padanan terjemahan dalam kata kerja.

Sehubungan itu, perkataan yang digunakan dalam lirik lagu kedua belas “terasa aku *tak tentu*

arah” adalah “tak tentu arah”. Pemilihan kata yang digunakan oleh responden adalah:

<i>Paralyzed</i>	<i>Astounded</i>
<i>Stunned</i>	<i>Going crazy</i>
<i>Unease</i>	<i>Lost</i>

Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa responden juga memberi beberapa ungkapan (*idiom*) seperti:

<i>Am head over heels</i>
<i>Am out of my mind</i>
<i>Am not in direction</i>

Bagi ungkapan ini, ia tertumpu kepada perkataan *am* kerana kata ini merupakan kata bantu atau lebih dikenali sebagai *verb 'to be'* dalam tatabahasa Inggeris. Perkataan ini memberi penerangan selepas merujuk kepada kata nama. Tambahan pula, ungkapan yang digunakan dapat menerangkan dengan jelas seperti dalam lirik lagu asal. Pengkaji beranggapan ungkapan yang diberikan boleh diguna pakai kerana ia dianggap bersesuaian dan berpadanan. Oleh itu, pendapat pengkaji hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh Anita Wulandari (2018) iaitu terdapat kesalahan padanan kata kepada klausa. Dalam pendapat ini, ia tidak bermakna ungkapan tersebut tidak padan digunakan, tetapi kata tersebut berpindah daripada kata kepada klausa. Hal ini terbukti dengan klausa yang diberikan oleh responden dalam lirik tersebut.

Hasil dapatan menunjukkan penyebab kepada terjemahan kata tersebut adalah responden gagal mencari padanan yang sesuai dalam menterjemah sesuatu kata. Hal ini kerana, responden bukan penutur asli bahasa sasaran (bahasa Inggeris). Dalam menterjemah sesuatu kata daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, sekiranya penterjemah bukan merupakan penutur asli, padanan kata yang digunakan pasti mengalami kesukaran untuk mencari sama ada ia bersesuaian ataupun tidak serta penterjemah gagal menggunakan kata tersebut dengan sebaiknya.

Pengkaji juga mendapati terdapat kurang penguasaan ilmu pengetahuan bahasa sasaran (bahasa Inggeris) dalam diri responden. Hal ini kerana, pemilihan kata amat penting diketahui daripada segi ilmu pengetahuan, budaya, sikap, makna dan sebagainya. Tanpa ilmu pengetahuan dalam diri, sukar untuk seseorang itu menterjemah.

Seterusnya, terdapat gangguan daripada bahasa

ibunda. Gangguan daripada ibunda dapat diteliti daripada segi penggunaan kata, ejaan, dan sebutan. Gangguan ini disebabkan oleh kepelbagaian dialek yang terdapat di negeri-negeri di Malaysia. Individu akan mengalami kecelaruan identiti apabila menggunakan bahasa selain bahasa ibunda dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan objektif kedua iaitu menganalisis ketidaksepadanan makna dalam terjemahan lirik lagu. Pengkaji telah menggunakan pendekatan terjemahan langsung dalam kajian ini. Pendekatan terjemahan langsung merupakan pendekatan yang berupaya sedaya yang mungkin untuk setia atau kekal pada teks sumber daripada segi makna, nahu (sintaksis dan morfologi), daya serta kesan terhadap pembaca asal. Melalui pendekatan ini, responden

selaku penterjemah mencuba untuk mencari kesempurnaan dan kemiripan teks asal dengan sebaik mungkin.

Pendekatan terjemahan terbahagi kepada beberapa kategori iaitu semantik, formal, relevan, harfiah dan lateral. Kategori semantik merupakan huraian daripada segi makna yang terdapat dalam teks asal. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kategori daripada segi semantik dalam objektif ini.

Selain itu, pengkaji telah merujuk kepada tiga buah jenis kamus yang berbeza untuk mengetahui makna bagi setiap kata yang dipilih oleh responden untuk menterjemah lirik lagu tersebut. Berikut merupakan contoh analisis makna berdasarkan lirik lagu ketiga iaitu “terasa *debar* di dada”:

JADUAL 2. menunjukkan perbezaan makna bagi ketiga kamus yang digunakan untuk melihat perbezaan makna bagi satu perkataan

Bil.	Perkataan	Kamus Pertama	Kamus Kedua	Kamus Ketiga
1.	<i>Trembled</i>	Bergetar	Menggigil disebabkan oleh kesejukan, ketakutan atau beremosi	Gementar tanpa sengaja, kebiasaannya kerana berasa kebimbangan, keseronokan atau kelemahan
2.	<i>Thumping</i>	Besar atau bohong besar	Sangat besar atau penting	Berdebar-debar secara berterusan, atau berasa kagum terhadap saiz, tahap atau jumlah
3.	<i>Throbbled</i>	Berdengung, atau bunyi gong berdengung di celah-celah bukit	Menghasilkan kekuatan atau degupan biasa	Pukul atau bunyi dengan irama yang kuat dan yakin
4.	<i>Beating</i>	Memukul, atau memutar sesuatu	Degupan	Hukuman atau serangan kepada mangsa berulang kali, berasa berdenyut di bahagian jantung atau berdebar, atau kekalahan dalam keadaan yang kompetitif
5.	<i>Anxious</i>	Bimbang, risau, cemas, kluatir, dan berhasrat	Kerisauan dan kegugupan	Perasaan risau, gugup, tidak selesa tentang sesuatu yang akan berlaku, dan bersemangat atau prihatin untuk melakukan sesuatu
6.	<i>pounding</i>	(Tiada)	Degupan yang kuat atau kekalahan.	(Tiada)

Setelah dianalisis, perkataan-perkataan ini sesuai digunakan dalam lirik lagu ketiga iaitu “terasa *debar* di dada” untuk merujuk kepada perkataan “debar”. Namun pemilihan kata harus bersesuaian mengikut makna yang cuba ingin disampaikan. Walaupun makna yang dikemukakan pada setiap kamus sama atau hampir sama, ia tidak bermakna kata tersebut tidak berpadanan atau tidak bersesuaian. Setiap lirik yang ditulis pasti melibatkan perasaan, jiwa, pengalaman yang pernah dialami, dihayati, atau diselami. Oleh itu, pemilihan kata amat penting untuk pemberian makna yang berkualiti untuk melahirkan perasaan yang sama kepada orang lain.

Hasil dapatan menunjukkan antara kelemahan responden dalam memilih kata adalah kerana mereka

dipercayai tidak merujuk kepada kamus yang tepat untuk menghasilkan sesuatu karya terjemahan. Terjemahan yang dilakukan tanpa merujuk sesuatu sumber akan memberi kesan terhadap kualiti terjemahan dan makna yang cuba disampaikan seperti dalam teks asal. Oleh itu, penguasaan dalam sesuatu bidang dan bahasa sasaran yang diminati sangat penting bagi seseorang penterjemah.

KESIMPULAN

Berdasarkan objektif pertama iaitu mengenal pasti ketidaksepadanan kata yang digunakan dalam lirik lagu Jampi, pengkaji mendapati bahawa padanan

kata yang digunakan oleh pelajar hampir sama dengan terjemahan yang dilakukan oleh kedua-dua individu yang telah menterjemah lirik lagu Jampi terlebih dahulu di media sosial. Bukti dapat dilihat dengan jelas melalui penggunaan kata yang digunakan dan yang membezakannya adalah responden cuba sedaya upaya memilih perkataan yang hampir sama dengan perkataan dalam teks asal supaya ia kelihatan asli dan dianggap berpadanan dan bersesuaian.

Manakala, objektif kedua iaitu menganalisis ketidaksepadanan makna dalam terjemahan lirik lagu Jampi, pengkaji telah merujuk kepada tiga buah jenis kamus untuk merujuk kepada maksud kata yang cuba disampaikan melalui terjemahan yang dilakukan oleh responden. Dengan menggunakan cara ini, makna yang cuba disampaikan dapat diungkapkan. Kesimpulannya, penguasaan dalam pemilihan kata dan makna dalam menghasilkan sesuatu terjemahan sangat penting supaya penterjemah dapat menghasilkan karya yang berkualiti tinggi serta memenuhi cita rasa pengguna.

RUJUKAN

- Anita Wulandari. 2018. Kesalahan Padanan Kata dalam Teks Terjemahan Minikrimi 'Dinner ohne Britta' oleh Mahasiswa Jurusan Sastera Jerman. Diakses pada 29 Mei 2018 melalui <http://karya-ilmiah.um.ac.id/index.php/sastra-jerman/article/view/69910>.
- Aris Kurniawan. 2018. *Pengertian Semantik dan Contohnya Lengkap*. Diakses pada 1 Jun 2018 melalui <https://www.gurupendidikan.co.id/pengertian-semantik-dan-contohnya-lengkap/>.
- Chaer, A. 2009. *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Danny Susanto. 2012. Karya sastra terjemahan sebagai sarana pembelajaran sastra. *Jurnal Tuturan* 1(1): 14-20
- Danny Susanto. 2012. Karya Sastra Terjemahan sebagai Sarana Pembelajaran Sastra. *Jurnal Tuturan* 1(1): 14-20.
- Darmanto. 2016. The Study of Non Equivalent Meaning in The Translation of the Movie Frozen. Diakses pada 29 Mei 2018 melalui <http://eprints.ums.ac.id/44166/37/NASKAH%20PUBLIKASI-darmanto.pdf>
- Faidah Yusuf & Andi Reski Amelia. 2018. Metaphor Expression in Fall for Your lyrics. *Elite English and Literature Journal* 5(1): 35-45.
- Kridalaksana Harimurti. 1993. *Kamus Linguistik*. Gramedia: Jakarta.
- Hawkins, J. W. (6th). 2017. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar: Bahasa Inggeris Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ida Vera Sophya. 2013. Pembelajaran Bahasa Inggeris melalui Lagu pada 'Anak Usia Dini'. *Thufula: Jurnal Inovasi Pendidikan Guru Raudhatul Athfa*. 1(1): 1-21.
- Ika Suzainna Let@Hamlet. 2016. Unsur budaya dalam terjemahan lagu bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. *Jurnal KESIDANG* 3(1): 1-8.
- Kamus Dewan* (Edisi ke-4). 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Imron. 2018. Semiotika dalam lirik lagu Arab Kun Anta yang dipopularkan oleh Humood Alkhuder. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. Diakses melalui <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/40585/1/Fulltext.pdf>.
- Masitah Mad Daud & Zulkifley Hamid. 2017. Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences* 6(2): 65-71.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Md Noor Hussin & Maheram Ahmad. 2018. Penterjemahan Arab Melayu bagi Kata Kerja Berimbuhan *Istaf'Ala* dalam Surah Al-Baqarah. *Jurnal Pengajian Islam* 11(1): 75-93.
- Muhammad Nur Akmal Rosli & Rohaidah Kamaruddin. 2018. Perbezaan Budaya dalam Terjemahan Lagu-lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2): 39-54.
- Muhammad Syarif. 2018. Diksi dan gaya bahasa pada lirik lagu Superman is Dead album Sunset di Tanah Anarki, (Master tesis, Universitas Muhammadiyah Surakarta). Diakses pada 25 Mei 2018 melalui <http://eprints.ums.ac.id/62806/11/FULL%20VERSION%20NASKAH%20PUBLIKASI%20%28REVISI%20MBAK%20ANNISA%20R.A%20%20UPLOAD.pdf>.
- Sela Khurrosidah & Turnomo Rahardjo. 2018. Pemaknaan khlayak terhadap marginalisasi dalam pendidikan dan kritik sosial pada lirik lagu 'Putra Nusantara'. *Interaksi Online* 24(4).
- Slype, Van. 1983. Sejarah Perkembangan Melayu, Perkamusan dan Terjemahan. Diakses melalui <https://www.slideshare.net/elriani/sejarah-perkembangan-bm-perkamusan-terjemahan>.
- Wirman Hardi Gunawan. 2017. Analisis bentuk, makna, dan fungsi teks terjemahan Syair Selakaran dalam Tradisi Ngurisang pada Acara Lebaran Topat di Makam Keramat Batulayar. Universitas Mataram. Diakses melalui <http://eprints.unram.ac.id/3828/>

Siti Nuratikah Mohd Zain
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor.
E-mel: siti_nuratikah9565@yahoo.com

Diserahkan: 29 Mac 2019

Diterima: 26 Ogos 2020